

Ruj. Kami : ANM.PK.G.600-/1/1/2JLD.4(62)
Tarikh : 29 April 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan,

PEMBATALAN SYARAT VAKSIN COVID-19 BAGI PEMBERIAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2022

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), rujukan JPA.800-3/2/1(45) bertarikh 27 April 2022 dan surat JPA rujukan JPA.800-3/2/1(32) bertarikh 20 Disember 2021 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) **Tahun 2022 berjumlah RM700.00 turut dipanjangkan** kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Professional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang **tidak mengambil vaksin**.

3. Sehubungan itu, proses pembayaran ini perlu dibayar melalui **Arahan Pembayaran mulai 9 hingga 13 Mei 2022** melalui pembukaan sekatan overbajet OS17000 dalam tempoh tersebut. Berikut adalah **Peraturan Pembayaran BKK 2022 yang perlu dipatuhi oleh Jab/PTJ/PP**:

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain;
- ii. Memastikan pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E) menerima bayaran mulai 9 hingga 13 Mei 2022; dan
- iii. PTJ hendaklah memastikan tiada kecaciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew. 330E).

4. Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi BKK 2022 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

5. Bersama-sama ini dilampirkan surat Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 27 April 2022 untuk rujukan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**